



KEADAAN banjir di Taman Kasa Height, Alor Gajah.



PENDUDUK Taman Masjid Tanah Ria membersihkan rumah selepas banjir kilat.



ini bernasib baik kerana air tidak masuk ke dalam kedai," katanya.

Penduduk Taman Masjid Tanah Ria, Sulaiman Mohd Yassin, 54, berkata, dia mula gelisah selepas hujan lebat berterusan lebih dua jam kerana bimbang berlaku kejadian tidak diingini. "Saya sudah 10 tahun menetap di taman ini. Setiap kali hujan lebat, saya pasti gelisah. Cuma kami agak bernasib baik kerana paras air yang naik tidak tinggi.

dan beberapa lokasi lain di Pekan Masjid Tanah, di sini, dinaiki air antara 0.1 meter hingga 0.3 meter akibat banjir kilat.

Kawasan lain yang turut terjejas Jalan Masjid Tanah-Lendu berhampiran Sekolah Menengah Imtiaz Ulul Albab, Duri-

dan beberapa lokasi lain di Pekan Masjid Tanah, di sini, dinaiki air antara 0.1 meter hingga 0.3 meter akibat banjir kilat.

Sementara itu, bekas pensyarah Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Datuk Zulkifli Buang, 60, mendakwa pembangunan di kawasan berhampiran taman perumahan dan pekan berkenaan tidak diimbangi dengan sistem perparitan sempurna.

Beliau yang turut menjadi mangsa banjir kilat berkata, air memasuki dapur rumahnya di Kampung Masjid Tengah mungkin disebabkan pembinaan Stadium Mini Masjid Tanah terletak berhampiran tidak menyediakan sistem perparitan yang baik.

"Saya kerap melakukan pemerhatian dan mendapati sistem perparitan di taman perumahan itu tidak disediakan dengan baik. Hujan lebat menyebabkan Sungai Baru dan beberapa longkang besar melalui taman dan Pekan Masjid Tanah tidak dapat menampung peningkatan air lalu melimpah,"

katanya.

Katanya, dia sudah merujuk masalah sistem perparitan itu kepada Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lendu Datuk Sulaiman Md Ali, namun masalah masih berulang.

FAKTA

Kali terakhir taman perumahan dilanda banjir kilat pada 2014

an Daun berikutan air Sungai Baru dan longkang besar berhampiran melimpah.

Peniaga di Pekan Masjid Tanah, Tah Ah Ming, 57, berkata, dia menyedari air mulai melimpahi tebing Sungai Baru dan beberapa longkang besar pada jam 10.30 pagi sebelum naik mendadak hingga ke tengah jalan 15 minit kemudian.

"Banjir kilat memang kerap berlaku sebelum ini, tetapi hari ini (semalam) air naik lebih tinggi berbanding kebiasaannya. Bagaimanapun, saya dan peniaga lain di pekan

Hassan Omar

am@hmetro.com.my

Alor Gajah

Hujan lebat selama tiga jam mulai jam 7 pagi semalam menyebabkan kebanyakan rumah di Taman Masjid Tanah Ria

GELISAH AIR NAIK

■ Hujan lebat tiga jam sebabkan Masjid Tanah dilanda banjir

ZULKIFLI Buang, 60, memba air yang melimpah masuk ke dapur kediamannya di Kampung Masjid Tengah, Masjid Tanah.